

Temasha2 Sambutan Hari Jadi DYMM Sultan Brunei	1
Pembukaan Bangunan2 Baharu Sekolah2 Melayu dan China oleh DYMM Sultan Brunei	3
Lawatan Surohan Jaya Kematian Peperangan Jepun Ka Brunei	4
Pembayaran2 Bagi Memandu Kapal2 Dikawasan Perayaran Brunei	5
4 Orang Lagi Jema'ah2 Haji Dari Brunei Meninggal Dunia	5
Penolong Pegawai Penerangan Negeri Brunei Balek Dari England	6
Pembukaan Pejabat Immigration Kuala Belait	6
Permulaan Kapal Penumpang Diantara Bandar Brunei dan Temburong	6
Pertunjukan Wayang Gambar Pejabat Penerangan Negeri Brunei	7
Peraduan Senaman Dan Permainan Sekolah2 Daerah Brunei	7
Undang2 Baharu Majlis Ugama dan 'Adat Isti'adar Negeri Brunei	8

Sebagaimana tahun yang lalu, suatu peraduan Perarakan2 Tanglang melalui jalan2 raya di Bandar Brunei dan juga di Sungai bertalaga2 kampung Ayer akan juga diadakan. Perarakan2 Tanglang di jalan2 raya juga akan dilangsungkan pada hari Ithnin 24 September, akan berlaku kepada sekolah2, kampung2, kaum2 dan pejabat2 Kerajaan. Perarakan2 itu akan diadakan secara berjalas dan juga dengan menggunakan kenderaan. Perarakan2 di kampung Ayer akan dilangsungkan pada hari Thalatha 25 September dan berlaku kepada penduduk2 di kampung Ayer. Kedua Perarakan2 tersebut akan dimulai dari pukul 8:00 malam hari tersebut.

Rumah2 di kampung Ayer dan juga di kawasan Bandar Brunei dijangka akan mengambil bahagian dalam Peraduan Menerangi Rumah dari malam 24 September hingga ke malam 26 September. Peraduan itu akan dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu sabahagian bagi rumah yang menggunakan minyak dalam Peraduan Menerangi Rumah2 itu dan sabahagian pula bagi rumah2 yang menggunakan lampu2 elektrik.

Pada malam 24, 25 dan 26 September, Sandiwara2 akan diadakan di dalam pentas di muka pintu Pejabat2 Kerajaan dari pukul 8:00 hingga ke pukul 12:00 tengah malam. Pada malam2 itu akan dilangsungkan berbagai2 peraduan kesenian2 tari2 dan konyian2 asli, kemudian akan diadakan tari2 dan nyanyian2 serantau serantau, iaitu bahagian "modern" dan "classical". Tari2 dan nyanyian2 itu akan berlaku kepada kanak2 sekolah dan orang2 dewasa.

Dalam bahagian tari2 dan konyian, adalah dijangka bahawa tari2 dan konyian berasal dari Melayu, Eropah, China, Indian, Filipina, dan lain2 akan dilakukannya.

Adalah dijangka juga bahawa suatu Latihan dalam Bahasa Melayu akan dilakukannya pada malam 23 September.



DITERBITKAN OLEH PEJABAT PENERANGAN
KERAJAAN BRUNEI
DUA KALI SABULAN

1 AUGUST, 1956.

TEMASHA2 SAMBUTAN HARI JADI DYMM SULTAN BRUNEI

Jawatan Kuasa Sambutan Hari Jadi Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, Bandar Brunei dalam mashuaratnya yang telah diadakan di Bilek Bachaan Pejabat Penerangan Kerajaan Brunei baharu2 ini, telah bersetuju hendak mengadakan sambutan sechara besaran kerana menyambut Hari Jadi Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei Yang Ka Empat Puloh yang jatohnya pada hari Ahad 23 September akan datang.

Majlis itu telah bersetuju hendak mengadakan suatu temasha Pasar Malam selama 4 hari, iaitu dari hari Ahad 23 September hingga ka hari Sabtu 26 September mulai dari pukul 5:00 petang hingga ka pertengahan malam pada tiap2 hari. Temasha itu yang akan diadakan dikawasan belakang Pejabat2 Kerajaan, akan mengandongi permainan2 Ronggeng, Bergendang dan lain2 permainan yang menarek hati.

Sebagaimana tahun yang lalu, suatu peraduan Perarakan2 Tanglong melalui jalan2 raya di Bandar Brunei dan juga di Sungei berhadapan Kampong Ayer akan juga diadakan. Perarakan2 Tanglong di jalan2 raya yang akan dilangsungkan pada hari Ithnin 24 September, akan terbuka kapada sekolah2, kampong2, kaum2 dan Pejabat2 Kerajaan. Perarakan2 itu akan diadakan sechara berjalan dan juga dengan mengadakan kenderaan. Perarakan2 di Kampong Ayer akan dilangsungkan pada hari Thalatha 25 September dan terbuka kapada penduduk2 di Kampong Ayer. Kedua Perarakan2 tersebut akan dimulai dari pukul 8:00 malam hari tersebut.

Rumah2 di Kampong Ayer dan juga di kawasan Bandar Brunei dijangka akan mengambil bahagian dalam Peraduan Menerangi Rumah dari malam 23 September hingga ka malam 26 September. Peraduan itu akan dibahagikan kapada dua bahagian, iaitu sabahagian bagi rumah yang menggunakan minyak dalam Peraduan Menerangi Rumah2 itu dan sabahagian pula bagi rumah2 yang menggunakan lampu2 elektrik.

Pada malam 24, 25 dan 26 September, Sandiwara2 akan diadakan disabuah pentas dimuka pintu Pejabat2 Kerajaan dari pukul 8:00 hingga ka pukul 12:00 tengah malam. Pada malam2 itu akan dilangsungkan berbagai2 peraduan termasuk tarian2 dan nyanyian2 asli, kemudian akan diadakan tarian2 dan nyanyian2 sechara sekarang, iaitu bahagian "modern" dan "classical". Tarian2 dan nyanyian2 itu akan terbuka kapada kanak2 sekolah dan orang2 dewasa.

Dalam bahagian tarian2 kebudayaan, adalah dijangka bahawa tarian2 perbakala orang2 Melayu, Eropah, China, Indian, Filipina, Kedayan, Iban dan Dyak akan dilakukan.

Adalah dijangka juga bahawa suatu Lakunan dalam Bahasa Melayu akan dilakukan pada malam 23 September.

Pada malam 23 ...

Pada malam 23 dan 24 September, pihak Kaum China pula akan mengadakan pertunjukan Wayang China dikawasan yang lapang dihadapan Panggong Boon Pang.

Suatu temasha lagi yang menarek hati yang akan diadakan pada masa temasha sambutan2 Hari Jadi Sultan Brunei pada tahun ini ialah Peraduan Pakaian Beragam di Brunei Sports Club pada malam hari Khamis 20 September.

Selain daripada temasha2 tersebut, suatu Peraduan Lukisan dan Poster, terbuka kepada ramai di seluruh Negeri Brunei dan juga suatu bahagian Peraduan Lukisan dan Poster yang khas terbuka kepada kanak2 Sekolah seluruh Negeri ini akan juga diadakan.

Pertunjukan Lukisan itu akan dibuka dengan rasmi oleh Yang Berhormat British Resident, Brunei di Dewan Mahkamah Bandar Brunei pada pukul 4:00 petang hari Sabtu 22 September.

Keadaan lukisan2 yang dikehendak dalam Peraduan tersebut ialah : 1) Pemandangan2 dan gambar2 bumi Negeri Brunei; 2) Orang2 kenamaan dan orang2 yang telah bersangkut paut dengan perkembangan Negeri Brunei hingga kahari ini; 3) Lukisan buah2 dan bunga2 dengan kapor yang berwarna; 4) Lukisan Poster menggambarkan kejayaan dan perkara2 yang dilakukan bagi kemajuan Negeri Brunei.

Bahagian 1 dan 2 adalah dibahagikan kepada dua bahagian iaitu "Water colour" dan pensil, manakala Bahagian 3 adalah hanya terbuka kepada kanak2 sekolah. Kertas lukisan yang akan digunakan untuk pemandangan2, gambar2 bumi dan orang2 kenamaan ialah 12 inchi X 16 inchi; untuk lukisan2 kapor berwarna ukuran kertas lukisan itu hendaklah 12 inchi X 18 inchi dan ukuran kertas untuk lukisan2 Poster yang dikehendakki ialah 18 inchi X 24 inchi.

Hadiah2 yang akan diberi untuk peraduan tersebut ialah : Hadiah Pertama - \$25:00; Hadiah Kedua - \$15:00; dan Hadiah Ketiga - \$10:00.

Orang2 yang mengambil bahagian dalam sebarang bahagian2 tersebut boleh hantar seberapa banyak lukisan2 yang mereka suka. Mereka tidaklah dibenarkan menulis nama masing2 diatas kertas lukisan, tetapi hendaklah mereka menuliskan nama, alamat dan sebagainya berkenaan dengan lukisan mereka itu diatas saking kertas yang asing untuk disertakan diatas lukisan itu. Orang2 yang melanggar syarat2 yang dikehendakki ini akan ditolak dari mengambil bahagian dalam peraduan ini.

Lukisan yang hendak ditandingkan itu adalah dikehendakki dihantarkan tidak lewat dari hari Sabtu 15 September, 1956 kepada Pengurus, Peraduan Lukisan bagi Sambutan Hari Jadi Duli Yang Maha Mulia Sultan, c/o Pejabat Pelajaran, Bandar Brunei.

Pada petang hari Ahad 23 September suatu temasha Sukan akan diadakan di Padang Bandar Brunei mulai dari pukul 2:00, dalam mana akan dijalankan tidak kurang dari 28 jenis perlumbaan2 dan sebagainya.

Suatu lagi temasha sambutan sechra besaran yang akan diadakan kerana menyambut Hari Jadi Sultan Brunei ialah Perlumbaan Diayer ("Regatta"). Temasha itu akan diadakan dikawasan Kampong Ayer mulai dari pukul 9:00 pagi hari Ithnin 24 September, 1956.

PEMBUKAAN BANGUNAN2 BAHARU SEKOLAH2 MELAYU DAN CHINA OLEHDYMM SULTAN BRUNEI

Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, Sir Omar Ali Saifuddin telah melangsungkan pembukaan rasmi 3 buah Sekolah2 Melayu dan China yang baharu di Kuala Belait dan Seria pada hari Sabtu 28 July, 1956, iaitu Sekolah Melayu Kuala Belait dan Seria serta Sekolah China Chung Hwa di Kuala Belait. Kedua buah bangunan2 Sekolah Melayu baharu itu telah dibangunkan oleh pihak Kerajaan Brunei sebagai menggantikan bangunan2 kayu yang lama.

Kerajaan Brunei telah memberi bantuan wang bagi membangunkan Sekolah China itu sebagai sebahagian dari bantuan2 Kerajaan dalam hal ehwal pelajaran yang diberi kepada Sekolah2 yang bukan dipunyai oleh Kerajaan. Langkah ini telah dijalankan adalah berhubung dengan Dasar Kerajaan Brunei yang mengutamakan hal ehwal pelajaran dalam Negeri ini.

Salain daripada sekolah2 tersebut, sebuah bangunan baharu Sekolah Perempuan, iaitu Sekolah Perempuan Sultan Mohammad Jemal-ul-Alam sedang dibina di Bandar Brunei. Diantara lain2 sekolah yang akan dibangunkan ialah Sekolah Menengah Brunei bagi kanak2 lelaki; sebuah Sekolah Menengah bagi kanak2 perempuan di Brunei dan sebuah Sekolah Menengah di Seria.

Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, dalam Titah Baginda di Istiadat2 pembukaan rasmi Sekolah2 Melayu Seria dan Kuala Belait, telah menegaskan betapa mustahaknya pelajaran dalam sebuah negeri yang sedang meningkat maju dalam berbagai lapangan dan berharap bahawa wajiblah ibu bapa kanak2 sekalian mengambil peluang yang berharga itu dan menghantarkan anak2 mereka ka sekolah2, supaya dengan hal ini dapatlah memberi kauntongan yang besar kepada mereka.

Ketika bertitah di Sekolah Chung Hwa, Kuala Belait, Duli Yang Maha Mulia Sultan menyatakan bahawa pembangunan sekolah itu adalah terbukti dari hasil kerjasama yang baik diantara orang ramai yang telah bekerja dengan sasunggohnya serta mengeluarkan derma2 wang bagi kemajuan sekolah itu.

Duli Yang Maha Mulia berharap bahawa dengan pembangunan Sekolah China itu, beberapa banyak lagi kanak2 akan dapat peluang belajar di Sekolah itu. Baginda menasehatkan bahawa dengan mempunyai pelajaran itulah kanak2 sekalian akan dapat menjadi ra'ayat yang berguna terhadap Negeri ini pada masa mereka besar nanti.

Duli Yang Maha Mulia telah berangkat dari Padang Kapal terbang Berakas, Brunei ka Padang Kapal Terbang Anduki, kepunyaan Sharikat Minyak British Malayan Petroleum Company Limited, Seria pada pagi 28 July dengan diiringi oleh Juru I-ring kepada Baginda, Pengiran Omarali; Yang Berhormat British Resident Brunei, Mr. D.C. White; Wazir Yang Kedua Negeri Brunei, Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Pemancha; Pesuruh Jaya Perkembangan Negeri, Mr. E.R. Bevington; Pegawai Pelajaran Negeri, Mr. H.J. Padmore; Penguasa Pelajaran Melayu, Inche' Marsal bin Ma'un dan Pegawai Penerangan Negeri, Inche' Suhaimi Haji Amin.

Ketika tiba di Padang Kapal Terbang Anduki, Duli Yang Maha Mulia Sultan telah disambut oleh Penolong Resident, Kuala Belait, Mr. P.A. Coates; Bakal Penolong Resident, Kuala Belait, Mr. G. Lloyd-Thomas; Pegawai Daerah Kuala Belait, Pengiran Abu Bakar dan Pegawai Daerah Seria, Inche' Abdul Ghani.

Rombongan tersebut ...

Rombongan tersebut kemudian terus berangkat ka bangunan baharu Sekolah Melayu Seria yang dinamakan Sekolah Melayu Mohamed Alam. Meskipun hujan telah turun dengan lebat pada masa itu tetapi Istiadat Pembukaan Rasmi bangunan Sekolah itu telah disempornakan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan.

Duli Yang Maha Mulia Sultan telah disambut oleh Guru Besar Sekolah itu, Che' Gu Shabuddin bin Mohamed Salleh dan setelah mengishtiharkan pembukaan rasmi bangunan Sekolah itu dengan memotong peta yang ditegangkan dipintu masuk, maka Baginda telah dibawa memeriksa bilek2 darjah dan kaseluroh bangunan itu. Sabelum berpisah, Baginda telah dira'ikan disuatu Majlis Jamuan Ringan disabuah bilek dengan dihadziri oleh Ahli2 Jawatan Kuasa Sekolah, ibu2 bapa kanak2 sekolah dan orang2 kenamaan.

Satelah selesai pembukaan rasmi bangunan tersebut, Duli Yang Maha Mulia telah berangkat ka Ibu Pejabat Pengakap2 di Seria untuk melakukan pembukaan rasmi bangunan baharu itu. Duli Yang Maha Mulia telah ditemui oleh Pesuruh Jaya Pengakap Sane-geri Brunei, Mr. R.W.F. Fishenden.

Mr. Fishenden telah menguchapkan selamat datang kepada Duli Yang Maha Mulia dan untuk menyempornakan pembukaan rasmi Ibu Pejabat Pengakap itu serta juga menerangkan dengan ringkas berbagai perkara mengenai kemajuan yang telah diperolehi oleh Persatuan Pengakap Negeri ini dan sebagainya.

Duli Yang Maha Mulia telah menyokong Pergerakan Pengakap dengan menegaskan bahawa pemuda2 yang menjadi Pengakap dapatlah mempelajari faedah2 bagi menjadi ra'ayat jelata yang berguna.

Diantara lain2nya yang hadzir ditemasha itu ialah Mem R. E. Hales, Mr. T.R. Groundwater dan beberapa orang lagi Pegawai2 dari Sharikat Minyak British Malayan Petroleum Company Limited, Seria.

Dari sana Baginda telah berangkat ka Kuala Belait untuk menyempornakan pembukaan rasmi bangunan baharu Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin.

Baginda telah dira'ikan disuatu Majlis Jamuan Makan Tengah Hari di Kuala Belait Recreation Club. Pada petang hari itu Baginda telah menyempornakan pembukaan rasmi bangunan baharu Sekolah China Chung Hwa dan balek ka Brunei dengan kapal terbang Sharikat Minyak British Malayan Petroleum Company Limited pada petang hari itu juga.

LAWATAN SUROHAN JAYA KEMATIAN PEPERANGAN JEPUN KA BRUNEI

Sabuah rombongan Surohan Jaya Kematian Peperangan Orang2 Jepun akan melawat Negeri Brunei pada bulan August ini untuk mengutip tulang2 mayat orang2 Jepun yang telah mati dalam masa Peperangan Dunia yang lalu. Tulang2 itu kemudiannya akan dibakar dan tugu2 peringatan akan dibina ditempat itu.

Surohan Jaya itu, mengandongi beberapa orang akan tiba di Brunei dengan kapal Jepun "Taisei Maru". Mereka tidak akan pergi ka Bandar2 yang besar di Brunei atau pun ka kawasan Seria tetapi mereka akan menjalankan penyiasatan2 tersebut dikawasan2 pedalaman luar bandar.

Rombongan tersebut yang akan mengandongi diantaranya 9 orang Pegawai2 Kerajaan Negeri Jepun, 4 orang Wakil2 dari keluarga2 orang2 Jepun yang telah terkorban dalam masa Peperangan

Dunia yang lalu ...

Dunia yang lalu di Negeri ini, 3 orang Padri2 Jepun dan beberapa orang Kadet dari Tentera Laut Perdagangan Jepun dijangka akan tiba di Labuan dari Negeri Jepun pada 6 August dan salepas melawat beberapa kawasan di Borneo Utara, mereka akan tiba di Brunei. Salepas itu mereka akan berangkat ka Sarawak.

PEMBAYARAN2 BAGI MEMANDU KAPAL2 DIKAWASAN PERAYARAN BRUNEI

Pembayaran2 yang baharu bagi memandu kapal2 dalam kawasan perayaran Brunei telah mulai berjalan kuat kuasanya pada 1 hari-bulan August, 1956.

Pembayaran2 bagi memandu sabuah kapal di Sungei Brunei dari Sapo Point ka Pelabohan Muara ialah \$ 50.00; dari Sapo Point ka pelabohan Pulau Sibongor atau ka Tambatan Bandar Brunei ialah \$ 100.00; dan untok memindahkan sabuah kapal dari satu tempat ka tempat yang lain ialah sebanyak \$ 50.00.

Pembayaran bagi memandu sabuah kapal dari Sapo Point atau dari Outer Bar ka Pelabohan Baru Baru di Telok Brunei ialah \$ 100.00.

Di Sungei Kuala Belait dan di Sungei Tutong dari kawasan laut ka sebarang Tambatan Kerajaan, pembayaran yang baharu itu ialah \$ 100.00.

Salain daripada pembayaran tersebut, kapal yang dipandu oleh sasaorang Pilot akan membayar tambang berulang aleknya Pilot itu diantara Tambatan Bandar Brunei dan kapal itu, dan juga pembayaran bagi menunggu sebanyak \$ 25.00 pada sahari atau sabilangan daripadanya akan dikenakan.

Apa bila saorang Pilot di panggil tetapi perkhidmatannya itu tidak dikehendakki oleh kapal yang memanggilnya, maka kapal itu akan membayar separoh bayaran perkhidmatan Pilot itu, selain daripada sebarang pembayaran menunggu dan tambangnya berulang alek sebagaimana tersebut.

4 ORANG LAGI JEMA'AH2 HAJI DARI BRUNEI MENINGGAL DUNIA

Empat orang lagi dari Jema'ah2 Haji dari Brunei yang telah berangkat ka Tanah Suchi pada tahun ini telah meninggal dunia. Tiga orang daripadanya ialah lelaki dan saorang lagi perempuan.

Perempuan itu ialah Siti Alam binte Jumat, berumur 71 tahun dari Kampong Belais, Temburong. Ia telah meninggal dunia di Mena pada 19 July, iaitu sabelum selesai menyempornakan Haj.

Tiga orang lelaki tersebut ialah Pengiran Mohamed bin Pengiran Jadid, berumur 73 tahun dari Kampong Kiang Geh, Bandar Brunei. Ia telah meninggal dunia di Mecca sasudah mengam-bil Haj. Pengiran Mohamed telah meninggal dua orang anak lelaki dan saorang anak perempuan yang sudah berkahwin dan telah berangkat bersamanya ka Tanah Suchi. Saorang daripada anak2 lelakinya ialah Pengiran Jumat yang pada masa ini bekerja dengan Pejabat Kerja Raya di Daerah Temburong, Brunei dan saorang lagi anaknya ialah penjual ikan.

Inche' Kapang bin ...

Inche' Kapang bin Pajang, berumur 74 tahun dari batu 15 Jala Tutong telah meninggal dunia diatas kapal S/S Anking dua hari selepas kapal itu bertolak dari Jeddah ka Malaya. Ia telah berangkat ka Tanah Suchi bersama dengan rombongan Jema'ah2 Haji yang pertama dan jemaahnya telah dikebumikan dilaut.

Jema'ah Haji yang terakhir sekali meninggal dunia, mengikut berita yang telah diterima oleh Pejabat 'Adat Isti'adat, Ugama dan Kebajikan Negeri Brunei, ialah Inche' Sidup bin Abdul Rahman berumur 41 tahun, seorang peladang dari Kampong Pengkalan Batu, Limau Manis, Daerah Brunei. Ia telah meninggal dunia di Mecca pada 26 July, 1956 dan dengan kematiannya itu, sajumlah delapan orang dari 152 orang yang telah berangkat ka Tanah Suchi dari Brunei pada tahun ini telah meninggal dunia.

PENOLONG PEGAWAI PENERANGAN NEGERI BRUNEI BALEK DARI ENGLAND

Pengiran Mohamed Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim, Penolong Pegawai Penerangan Negeri Brunei telah balek ka Brunei dari United Kingdom pada hari Juma'at 3 August, 1956 dimana beliau telah menghadiri Persidangan Pegawai2 Penerangan Jajahan Ta'lok British di London dan Persidangan Pemuda Commonwealth di Missenden Abbey, Buckinghamshire.

Beliau telah berangkat ka United Kingdom pada 11 June, 1956 dan ketika balek ka Brunei beliau telah disambut di Padang Kapal Terbang Berakas oleh Pegawai Penerangan Negeri Brunei, Inche' Suhaimi Haji Amin; Anggota2 dari Pejabat Penerangan Brunei dan lain-lainnya termasuk beberapa orang lagi Pegawai2 Kerajaan Negeri ini.

Persidangan Pegawai2 Penerangan tersebut telah dihadiri oleh Pegawai2 Penerangan dari beberapa daerah termasuk dari Sarawak, Borneo Utara, Persekutuan Tanah Melayu dan Singapura.

PEMBUKAAN PEJABAT IMMIGRATION KUALA BELAIT

Pejabat Immigration, Kuala Belait yang bertempat di Ibu Pejabat Police Daerah Kuala Belait, menyatakan bahawa untuk pengetahuan orang ramai masa baharu pembukaan Pejabat itu yang akan dimulai dari 1 September, 1956 ialah dari pukul 8 pagi hingga 12 tengah hari pada tiap2 hari, kechuali hari2 Ahad dan Hari2 Chuti Awam.

PERMULAAN KAPAL PENUMPANG DIANTARA BANDAR BRUNEI DAN TEMBURONG

Suatu perkhidmatan kapal penumpang yang baharu diantara Bandar Brunei dan Temburong akan mulai dijalankan pada hari Juma'at 17 August, 1956 sebagai percobaan selama 3 bulan.

Kapal itu akan belayar dari Tambatan Customs, Bandar Brunei pada pukul 6 pagi hari2 Ithnin, Rabu dan Juma'at serta singgah di Limbang dalam masa pelayarannya ka Temburong dan balek ka Brunei melalui Bangar, Temburong.

Tiket2 berharga \$ 5.00 pada satu pelayaran bagi seorang, sama ada ia belayar diantara Bandar Brunei dan Temburong atau mana2 pelabuhan diantara kedua pelabuhan ini boleh dibeli dari Pejabat Marine Negeri Brunei atau diatas kapal tersebut.

Perkhidmatan tersebut yang dianjorkan oleh Pejabat Marine Negeri Brunei ialah kerana memberi kemudahan bagi orang2 berulang alik diantara kedua pelabuhan tersebut serta juga untuk memberi kesenangan kepada orang2 yang ...

kapada orang2 yang tinggal di kampung2 yang jauh dari bandar diantara Brunei, Limbang dan Temburong.

Sahingga kamasa ini, orang ramai hanya harapkan kapada kapal2 yang bukan dipunyai oleh Kerajaan dan kapal2 sademikian berkehendak tambang2 yang mahal. Dengan adanya perkhidmatan kapal yang baharu itu, dapatlah memberi kesenangan juga serta menentukan masa mengenai surat2 kiriman yang dihantar melalui Pejabat Post dan perkhidmatan chatuan. Pejabat Marine akan menggunakan kapal2 yang dapat memuat 20 orang dan barang2 yang patut dimuat. Adalah diharapkan bahawa pada masa akan datang, sekiranya perkhidmatan yang baharu ini berhasil, perkhidmatan kapal penumpang yang tetap akan diteruskan hingga ka Lawas.

Kapal yang belayar diantara Bandar Brunei dan Temburong akan balek ka Brunei kira2 pukul 6.00 petang pada tiap2 hari pelayarannya itu. Perjalanan dari Bandar Brunei ka Limbang ialah $1\frac{1}{2}$ jam dan dari Limbang ka Temburong 2 jam.

PERTUNJOKAN WAYANG GAMBAR PEJABAT PENERANGAN NEGERI BRUNEI

Pertunjukan Wayang Gambar Pejabat Penerangan Negeri Brunei pada bulan August, 1956 adalah saperti berikut:

Daerah Brunei: 1 August, Kampong Pengiran Tajuddin Hitam; 2 August, Kampong Pekan Lama; 4 August, Dewan Pejabat Penerangan, Bandar Brunei; 6 August, Dibelakang Pejabat2 Kerajaan, Bandar Brunei; 7 August, Sekolah Melayu Sengkurong; 11 August, Kawasan Rumah Sakit, Bandar Brunei; 15 August, Sekolah Melayu Pengkalan Batu; 18 August, Dewan Pejabat Penerangan, Bandar Brunei; 20 August, Dibelakang Pejabat2 Kerajaan, Bandar Brunei; 25 August, Sekolah Melayu Dato'Gandi dan 30 August, Kawasan Penjara Jerudong, Brunei.

Daerah Tutong: 13 August, Sekolah Melayu Keriam; 21 August, Sekolah Melayu Penanjong; dan 22 August, Bandar Tutong.

Daerah Temburong: 27 August, Sekolah Melayu Batu Apoi dan 28 August, Sekolah Melayu Bokok, Temburong.

PERADUAN SENAMAN DAN PERMAINAN SEKOLAH2 DAERAH BRUNEI

Temasha Peraduan Senaman dan Permainan Sekolah2 Melayu Daerah Brunei telah dilangsungkan di Padang Bandar Brunei pada hari Ahad 5 August, 1956 dengan beroleh kejayaan yang besar.

Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri, Brunei serta beberapa orang Putera2 dan Puteri2 Baginda serta ramai karabat diraja dan para pemsar Negeri telah hadzir ditemasha itu. Hadiah2 telah disampaikan oleh Duli Yang Maha Mulia Raja Isteri kapada orang2 dan pasokan2 yang berjaya didalam peraduan2 tersebut.

Diantara keputusan2 peraduan2 Senaman dan Permainan itu adalah saperti berikut: Senaman (Bahagian Lelaki)- 1. Sekolah Melayu Laila Menchanai (Johan 1955), 80.33 markah; 2. Sekolah Melayu Sultan Mohammed Jamal-ul-Alam "A", 80.25 markah dan 3. Sekolah Melayu Sultan Mohammed Jamal-ul-Alam "C", 76.25 markah. Senaman (Murid2 Perempuan)- 1. Sekolah Melayu Bunut, 77.5 markah; 2. Sekolah Melayu Sengkurong, 76.75 markah dan 3. Sekolah Melayu Sultan Mohammed Jamal-ul-Alam "C", 71 markah.

Senaman dan Permainan: 1. Sekolah Melayu Sultan Mohammed Jamal-ul-Alam "A"; 2. Sekolah Melayu Dato' Gandhi; dan 3. Sekolah Melayu Sultan Umar Ali Saifuddin, Muara.

UNDANG2 BAHARU MAJLIS UGAMA DAN 'ADAT ISTI'ADAT NEGERI BRUNEI

(Sambongan dari PELITA BRUNEI No. 11)

Undang2 baharu Majlis Ugama dan 'Adat Isti'adat Negeri Brunei telah berjalan kuat kuasanya mulai 1 haribulan February tahun ini.

Undang2 yang baharu ini adalah didasarkan kepada sabuah Undang2 Ugama yang sedang berjalan kuat kuasanya di Negeri Kelantan, Persekutuan Tanah Melayu dan telah dipersetujukan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Brunei, Sir Omar Ali Saifuddin dalam Persidangan Majlis Mashuarat Negeri Brunei. Berbagai2 perkara dari Undang2 yang asal itu telah diubahkan oleh Pehak Yang Berkuasa Negeri ini supaya Undang2 itu bersesuaian dengan keadaan dalam Negeri Brunei.

Pada keluaran2 yang lalu, kita telah menyiarkan perkara2 berhubung dengan Undang2 tersebut, diantaranya ialah mengenai Sembahyang Juma'at; Minum minuman yang memabokan; Makan, Minum dan sebagainya dalam bulan Puasa pada siang hari; Zakat dan Fitrah; Ajaran Ugama; Perkara membangun Masjid; Kegunaan Ayat2 Koran di Sandiwara; Mengeji Penguasa2 Ugama; Lantekan Mufti; Fetua2; Jawatan Kuasa Kehakiman, Jawatan Kathi Besar Negeri Brunei; Mahkamah Kathi Besar; Permohonan mengulang bichara; Pengesah Wasiat; Bahasa yang digunakan didalam Mahkamah2 Kathi; Perlantikan Pegawai Masjid; Kehadziran di Masjid; Perkahwinan dan Percheraian; Pendaftaran Nikah Cherai Orang2 Islam; Kuasa Mengakadkan Nikah; Nikah2 yang tidak sah; Persetujuan Mengakadkan Nikah; Perkahwinan Janda dan lain2nya.

Selanjutnya pada keluaran ini kita siarkan sambongan Undang2 tersebut saperti berikut:

Perempuan janda itu tidaklah boleh dinikahkan melainkan terlebih dahulu ia telah menunjukan:

Surat Keterangan kematian lakinya atau Surat Cherai yang sah dikeluarkan dibawah Undang2 yang berjalan kuat kuasanya pada masa itu, atau Petekan dari Daftar Cherai berhubung dengan percheraian itu, atau perempuan janda itu telah menunjukan satu Surat Pengakuan setelah disiasat dengan halusi oleh Mahkamah Kathi ditempat ia tinggal bahawa perempuan itu ialah sabenarnya Janda.

Jika perempuan itu dicheraai sebelum bersetuboh, maka tidaklah boleh ia dikahwinkan dengan mana2 lain orang selain daripada lakinya yang dahulu itu didalam masa Edah yang patut, melainkan telah dibenarkan oleh Kathi yang berkuasa di daerah tempat tinggalnya.

Percheraian Talak Tiga

Jika percheraian itu dilakukan dengan talak tiga, maka tidaklah boleh perempuan itu dinikahkan semula kepada lakinya yang dahulu itu, dikehualikan sebelum daripada perkahwinan itu ianya telah bernikah dengan lain orang dengan sahnya, kemudian bercheraai dengan lakinya yang kedua itu dengan sahnya mengikut Undang2.

Tiap2 nikah hendaklah diakadkan didalam Mukim Masjid yang salah saorang atau kedua2 pehak itu lazimnya tinggal, dengan syarat bahawa Kathi atau Pendaftaran yang berkuasa didalam mukim itu boleh memberi kebenaran bagi mana2 nikah itu diakadkan di tempat yang lain. Tiap2 nikah itu hendaklah didaftarkan dan perbelanjaan pembayaran kepada Pendaftaran Nikah itu hendaklah kena dibayar ditempat yang diakadkan nikah itu

(B E R S A M B O N G)